



PENGUMUMAN

MAJLIS KONVOKESYEN KE-29 PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN TAHUN 2025

Kepada semua lulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG) tahun 2025:

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Konvokesyen ke-29 PSAG tahun 2025 akan diadakan pada hari **Khamis, 30 April 2026** di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, Aras 4, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.
2. Untuk makluman, **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah** telah berkenan untuk menganugerahkan Sijil Amalan Guaman kepada para lulusan.
3. Sila semak e-mel tuan/puan bagi maksud jemputan ke Majlis Konvokesyen tersebut yang turut mengandungi maklumat tentang pendaftaran dan pembayaran. Tempoh pendaftaran bagi menghadiri Majlis Konvokesyen tersebut adalah dari **11 Mac 2026 (Rabu)** hingga **25 Mac 2026 (Rabu)**.
4. Diharap tuan/puan dapat turut hadir bagi meraikan kejayaan tuan/puan pada Majlis Konvokesyen tersebut.

Terima kasih.

NIK ROSMILAWATI BINTI NIK YUSOFF

Pengarah

Peperiksaan Sijil Amalan Guaman

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia.

11 Mac 2026